

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

PERATURAN-PERATURAN PERIHAL DAGANGAN (HARGA JUALAN MURAH) (PINDAAN) 2019 - MENGIMBANGI KEPERLUAN INDUSTRI DAN PERLINDUNGAN HAK-HAK PENGGUNA

PUTRAJAYA, 3 OGOS 2020 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Hal Ehwat Pengguna (KPDNHEP) telahewartakan pindaan undang-undang berkaitan dengan penganjuran jualan murah iaitu **Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) (Pindaan) 2019 yang telah mula berkuatkuasa pada 2 Januari 2020.**

Pindaan ini bertujuan bagi menambahbaik peruntukan undang-undang berkaitan penganjuran jualan murah untuk mengimbangi keperluan industri termasuk sektor peruncitan serta pada masa yang sama melindungi hak-hak pengguna. Pindaan Peraturan ini juga bertujuan bagi menjadikan penguatkuasaan berkaitan jualan murah menjadi lebih relevan mengikut perkembangan perdagangan semasa.

Antara peruntukan utama yang dipinda adalah berkaitan had bilangan penganjuran jualan murah. Sebelum ini Peraturan tersebut menetapkan had bilangan kuota penganjuran jualan murah adalah sebanyak empat (4) kali sahaja dalam setahun, dimana tiga (3) daripadanya adalah berdasarkan tempoh dan tarikh yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan dan hanya baki satu (1) kali sahaja tarikh jualan murah yang boleh dipilih oleh peniaga. Tetapi **melalui pindaan ini, peniaga dibenarkan untuk menganjurkan jualan murah tanpa had bilangan kuota mengikut kesesuaian dan kemampuan peniaga.**

KPDNHEP amat peka dengan perubahan teknologi dan model perniagaan yang semakin berkembang. Justeru itu, penambahbaikan juga telah dibuat ke atas sistem notis jualan murah agar peniaga tidak lagi perlu menunggu kelulusan dari pihak Kementerian dalam tempoh yang lama untuk mendapatkan nombor notis jualan murah. Sebaliknya nombor notis jualan murah tersebut akan diberi secara automatik sebaik sahaja permohonan notis ini telah dilengkapkan oleh peniaga di dalam sistem permohonan notis jualan murah secara atas talian.

Kementerian juga telah bersetuju untuk **memendekkan tempoh untuk mengemukakan permohonan jualan murah dari empat belas (14) hari kepada satu (1) hari sahaja** sebelum peniaga mengadakan jualan murah bagi menyokong kreativiti dan strategi pasaran peniaga. Melalui pindaan ini, peniaga tiada lagi alasan untuk tidak memohon notis jualan murah kerana mereka boleh memohon dalam tempoh satu (1) hari sebelum tarikh untuk mengadakan jualan murah.

**BILANGAN PERMOHONAN NOTIS JUALAN
MURAH**

Dari 01-Jan-2020 hingga 30-Jul-2020

NEGERI	JUALAN MURAH PILIHAN NIAGA
Perlis	10
Kedah	194
Pulau Pinang	261
W.P. Putrajaya	740
Negeri Sembilan	104
Melaka	90
Johor	380
Kelantan	94
Terengganu	45
W.p. Labuan	21
W.p. Kuala Lumpur	1120
Perak	207
Pahang	165
Selangor	1268
Sabah	472
Sarawak	832
Lain-lain	0
JUMLAH BESAR	6003

Kementerian bukan sahaja mengambilkira pandangan pihak industri dalam membuat sesuatu dasar, tetapi juga mengambilkira keperluan untuk melindungi hak-hak pengguna. Peruntukan sedia ada dalam Peraturan dikekalkan bagi melindungi pengguna, di samping mewujudkan kesalahan sekiranya peniaga membuat pernyataan palsu atau mengelirukan di dalam penawaran dan iklan jualan murah. Ianya bagi menjamin aktiviti perniagaan jualan murah yang diadakan adalah beretika kerana terdapatnya aduan yang diterima bahawa iklan jualan murah yang dipaparkan tidak mencerminkan harga sebenar barangan yang diberi potongan harga jualan murah.

Selain aspek perundangan, KPNDHEP juga telah membangunkan satu aplikasi telefon pintar iaitu aplikasi **MySales Tracker** yang bertujuan untuk memberikan kemudahan kepada pengguna membuat semakan aktiviti jualan murah yang berlangsung di sekitar mereka berada. Pengguna boleh memilih untuk membuat carian pantas berkaitan jualan murah berdasarkan jenama atau premis melalui aplikasi tersebut. Pengguna juga boleh terus membuat aduan melalui aplikasi yang sama sekiranya terdapat mana-mana peniaga yang menjalankan aktiviti jualan murah secara palsu atau mengelirukan.

Kementerian berharap agar inisiatif - inisiatif di atas, akan merencanakan lagi aktiviti jualan murah di Malaysia dan mendorong ke arah suasana perniagaan yang lebih kondusif. Kementerian percaya bahawa dengan penambahbaikan Peraturan Jualan Murah yang dilihat lebih mesra kepada peniaga tanpa mengabaikan aspek perlindungan pengguna akan meningkatkan daya saing dalam penawaran harga jualan murah yang akan secara langsung membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat. Bersempena dengan Kempen Beli Barangan Malaysia dan Jualan Mega yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 18 Julai 2020 yang lalu, pindaan Peraturan ini adalah bertepatan dengan peranan Kementerian sebagai penggerak kepada aktiviti perdagangan domestik Negara.

#

DATO' HAJI ISKANDAR HALIM BIN HAJI SULAIMAN
Pengarah Penguat Kuasa
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
(KPDNHEP)
PUTRAJAYA.

3 Ogos 2020